AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

PANDUAN PENGAJIAN

PROGRAM SIJIL PERIKANAN

SESI 2026/2027

BUKU PANDUAN PENGAJIAN

PROGRAM SIJIL PERIKANAN

SESI AKADEMIK 2026/2027

AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan
Akademi Perikanan Malaysia
Taman Perikanan Chendering
21080 Kuala Terengganu, Terengganu.

Telefon : 09-6172361
Faks : 09-6172141
Laman Web : http://apm.dof.gov.my
E-mail : apm@dof.gov.my

Penerangan dalam buku ini adalah benar pada masa ianya dicetak. Pihak Akademi Perikanan Malaysia berhak meminda kandungan mana-mana bahagian buku ini tanpa memberitahu terlebih dahulu.

VISI APM

Peneraju Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Perikanan

MISI APM

- **Membangunkan modal insan Jabatan Perikanan yang berkemahiran, berpengetahuan dan profesional melalui pelan operasi latihan komprehensif**

- **Melahirkan modal insan bidang perikanan yang kompeten melalui pendidikan dan latihan yang berkualiti**

OBJEKTIF APM

- **Meningkatkan pengetahuan & kemahiran warga Jabatan Perikanan melalui latihan yang berterusan**

- **Menyediakan program latihan yang komprehensif dan bersepadu dalam semua aspek perikanan sejajar dengan perkembangan semasa**

- **Menyediakan tenaga kerja yang terlatih dan mahir dalam pelbagai bidang perikanan**

- **Menyediakan latihan kompetensi kepada semua warga Jabatan Perikanan bagi keperluan perkhidmatan**

Maklumat lanjut mengenai Program Sijil Perikanan sila hubungi:

Puan Shireen Hing Chen Huey

KETUA PROGRAM SIJIL PERIKANAN
Akademi Perikanan Malaysia
Taman Perikanan Chendering
21080 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 609-6172361
Email: shireen@dof.gov.my

ALUAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu wata'ala.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baharu Sijil Perikanan sesi Akademik 2026/2027 ke Akademi Perikanan Malaysia (APM). Syabas dan tahniah saya ucapkan kerana anda telah membuat suatu pilihan bijak dengan menjadikan Program Sijil Perikanan sebagai pilihan utama anda. Program Sijil Perikanan merupakan salah satu daripada dua pengajian jangka masa panjang yag ditawarkan oleh APM dan dijalankan di bawah Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan . APM memulakan langkah memacu kecemerlangan untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik berlandaskan visi Peneraju Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Perikanan. Bagi merealisasikan hasrat ini, APM telah mengorak langkah dengan menyediakan program akademik yang berkualiti dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Selain daripada prestasi akademik, pelajar juga dinilai berdasarkan kemahiran insaniah mereka dalam melahirkan graduan yang holistik, berketerampilan, berkeusahawanan, berkeperibadian tinggi serta seimbang dari segala aspek. Justeru itu, APM mengharapkan agar pelajar-pelajar semua dapat mengekalkan serta meneruskan kecemerlangan pada masa- masa akan datang.

Di kesempatan yang ada ini, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar dalam mengemudi kehidupan di APM sepanjang pengajian dua tahun anda dalam program Sijil Perikanan, terutamanya dalam menghadapi cabaran sebagai seorang graduan. Kami di APM akan sedaya upaya membantu anda semua jika terdapat sebarang permasalahan timbul sepanjang melayari kehidupan bergelar pelajar PSP, APM.

Oleh yang demikian, kami warga APM berasa bangga untuk mendukung tradisi dalam melahirkan graduan yang cemerlang sahsiah juga akademik. Besar harapan kami warga APM untuk melihat kejayaan anda semua menggenggam kejayaan bergelar graduan Sijil Perikanan, APM.

SYABAS DAN TAHNIAH!

Terima kasih

Pengarah Akademi Perikanan Malaysia

Kalendar Akademik PSP Sesi 2026/2027
Kohort 11 (Jan 2026)
Program Sijil Perikanan

Aktiviti	Tarikh	Bil Minggu	Catatan
Semester 1 Kohort 11 (2026)			
Pendaftaran / Orentasi	25 Jan – 29 Jan	1	18/1 : Pelepasan am negeri 17/2 – 18/2 : CNY 04/3 : U/tahun Pertabalan Sultan Trg 08/3 : Pelepasan am negeri 21/3 – 23/3 : Hari Raya Aidilfitri 24/4 : U/tahun Keputeraan Sultan Trg 01/5 : Hari Pekerja *26/5 : Hari Arafah* *27/5 – 28/5 : Hari Raya Korban*
Kuliah	1 Feb – 12 Mac	6	
Cuti Pertengahan Semester	13 Mac – 28 Mac	2	
Kuliah	29 Mac – 21 Mei	8	
Minggu Ulangkaji	24 Mei – 30 Mei	1	
Peperiksaan Akhir	31 Mei – 11 Jun	2	
Cuti Antara Semester	12 Jun - 25 Jul	6	
Semester 2 Kohort 11 (2026-2027)			
Pendaftaran / KIAR	26 Jul – 30 Jul	1	25/08 : Maulidul Rasul 31/08 : Hari Kebangsaan 16/09 : Hari Malaysia 08/11 : Hari Deepavali
Kuliah	02 Ogo – 17 Sep	7	
Cuti Pertengahan Semester	18 Sep – 26 Sep	1	
Kuliah	27 Sep – 12 Nov	7	
Minggu Ulangkaji	15 Nov – 21 Nov	1	
Peperiksaan Akhir	22 Nov - 03 Dis	2	
Cuti Antara Semester	04 Dis – 09 Jan	5	
Semester 3 Kohort 11 (2027)			
Pendaftaran	10 Jan – 14 Jan	1	06/02 – 08/02 : CNY 24/02 : Nuzul Quran 04/03 : U/tahun Pertabalan Sultan Trg 10/03 – 11/03 : Hari Raya Aidilfitri 26/04 : U/tahun Keputeraan Sultan Trg 02/05 : Pelepasan Am : Hari Pekerja 16/05 : Hari Arafah 17/05 – 18/5 : Hari Raya Korban 20/05 : Hari Wesak
Kuliah	17 Jan – 03 Mac	7	
Cuti Pertengahan Semester	04 Mac – 20 Mac	2	
Kuliah	21 Mac – 06 May	7	
Minggu Ulangkaji	09 May – 15 Mei	1	
Cuti Khas Perayaan	16 Mei – 22 Mei	1	
Peperiksaan Akhir	23 May – 03 Jun	2	
Cuti Antara Semester	04 Jun – 17 Jul	6	
Semester 4 Kohort 11 (2027)			
Latihan Industri	18 Jul – 09 Okt	12	15/08 : Maulidul Rasul 31/08 : Hari Kebangsaan 16/09 : Hari Malaysia

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KANDUNGAN

		Muka Surat
1.0	**MAKLUMAT AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA & KLUSTER LKSP**	1
	1.1 Latar bekalang Akademi Perikanan Malaysia 1.2 Fungsi Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan 1.3 Pengurusan Program Sijil Perikanan	
2.0	**SISTEM AKADEMIK**	4
	2.1 Sistem Akademik 2.2 Jam Kredit 2.3 Keperluan Jam Kredit untuk bergraduat 2.4 Kurikulum Pengajian	
3.0	**PENAWARAN PROGRAM**	6
	3.0 Syarat Kemasukan 3.1 Matlamat dan Hasil Pembelajaran Program 3.2 Senarai Kursus 3.3 Penilaian dan Pensijilan	
4.0	**DIREKTORI EMAIL**	10
	3.1 Pengurusan Program 3.2 Hal Ehwal Pelajar	
5.0	**GARIS PANDUAN SAHSIAH RUPA DIRI**	11

1.0 MAKLUMAT AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

1.1 LATAR BELAKANG

Usaha Kerajaan di dalam memberikan latihan kepada para nelayan di negara ini, telah bermula dengan penubuhan sebuah Sekolah Perikanan Laut di Gelugur, Pulau Pinang pada tahun 1952.Ini telah seterusnya diikuti pula dengan penubuhan sebuah lagi Sekolah Perikanan Laut, di Seberang Takir, Kuala Terengganu pada tahun 1963 khusus bagi menampung keperluan latihan para nelayan daripada negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung. Menyedari keperluan semasa serta memandang kepada kemajuan pesat di dalam Industri Perikanan, sebagai satu usaha positif ke arah memajukan lagi industri perikanan negara maka sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Latihan Perikanan Malaysia (ILPM) telah seterusnya ditubuhkan dengan bantuan dan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Badan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Mula dilaksanakan pada 5 November 1969 dan terletak di Batu Maung, Pulau Pinang, ianya beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 1972.Pada bulan Jun 1992, ILPM telah berpindah pula ke kompleks barunya di Chendering, Kuala Terengganu dari Pulau Pinang. Kompleks baru yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan latihan lebih moden ini telah dibina dengan belanja kira-kira RM18 juta dengan bantuan Kerajaan Jepun di bawah Program JICA.

Kompleks baru ini bukan sahaja menawarkan pelbagai kursus dan latihan kepada nelayan, penternak dan pengusaha-pengusaha industri perikanan tetapi juga memainkan peranan di dalam memberikan latihan kepada kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia.Pada awal tahun 1999, ILPM telah ditukar nama kepada Institut Perikanan Malaysia bagi mencerminkan peranannya yang aktif di dalam membangunkan serta memesatkan lagi pembangunan industri perikanan negara. Institut Perikanan Malaysia telah dijenamakan semula sebagai Akademi Perikanan Malaysia pada April 2014.

Kini, selaras dengan status sebagai Pusat Pemberi Pengajian Tinggi yang menawarkan persijilan dalam bidang perikanan, APM memberi tumpuan kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan pembangunan insan berteraskan standard yang ditetapkan oleh MQA dalam meningkatkan kualiti pendidikan sektor perikanan terutamanya bagi memenuhi keperluan industri. Program ini akan menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang perikanan sebagai pekerja mahir dan pengusaha yang bertaraf komersial dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini yang bersesuaian bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti.

1.2 FUNGSI KLUSTER LATIHAN KEMAHIRAN DAN SIJIL PERIKANAN

1. Merancang dan menyelia program Sijil Perikanan dan Sijil Kemahiran Malaysia.
2. Menyelaras pembangunan kurikulum dan pembelajaran.
3. Memohon, mengurus dan menyelia peruntukan.
4. Menguruskan pensijilan dan pengiktirafan program serta pengajar.
5. Mengurus program keusahawanan dan inovasi pelajar.
6. Mengurus rekod pelajar dan pengajar.
7. Merangka, merancang dan menetapkan peraturan dan displin pelajar APM.
8. Menguruskan kursus nilai tambah untuk pelajar.
9. Menyelia dan menyelaras program latihan industri.

1.3 PENGURUSAN PROGRAM SIJIL PERIKANAN

KETUA PROGRAM
Pn. Shireen Hing Chen Huey
Pegawai Perikanan G12

KETUA KLUSTER LATIHAN KEMAHIRAN DAN SIJIL PERIKANAN
Pn. Mariam binti Marip
Pegawai Perikanan G10

KETUA KLUSTER HAL EHWAL PELAJAR
En. Rizman Zulkarnaen bin Suardi
Pegawai Perikanan G9

KETUA UNIT SIJIL PERIKANAN
En. Arnajid bin Jimy
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi DH9

2.0 SISTEM AKADEMIK

2.1 Sistem Semester

Pengajian bagi sesi 2026/2027 di Akademi Perikanan Malaysia bagi program Program Sijil Perikanan bermula pada 25 Januari 2026 dan dijangka tamat 10 Oktober 2027.

Setiap sesi tahun pengajian mempunyai 4 semester iaitu 3 semester pengajian yang masing-masingnya mempunyai 17 minggu pengajian (14 minggu kuliah +1 minggu persediaan dan 2 minggu peperiksaan) dan 1 semester latihan industri (12 minggu).

2.2 Jam Kredit

"kredit" ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian. Satu jam kuliah seminggu diberi nilai satu kredit. Jumlah kredit setiap semester ditetapkan tidak melebihi 20 jam kredit dan jumlah kredit bagi program ini adalah 62 jam kredit.

2.3 Keperluan Jam Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum jam kredit untuk bergraduat bagi Program Sijil Perikanan adalah sebanyak 62 jam kredit.

2.4 Kurikulum Pengajian

Kurikulum adalah sebagai nadi kepada program pembelajaran yang dibentuk dengan mengambil kira matlamat program iaitu **melahirkan graduan dalam bidang perikanan sebagai tenaga mahir dan pengusaha bertaraf komersial dan berskala besara melalui penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor perikanan negara**.

Bagi pelajar yang gagal mana-mana kursus dan tidak sempat mengulang kursus tersebut dalam tempoh pengajiannya tetapi telah melengkapi syarat jumlah kredit minimum untuk bergraduat ataupun sebaliknya, pelajar tersebut perlu mengulang kursus tersebut dalam semester tambahan dengan hanya mengambil kursus tersebut sahaja. Pelajar berkenaan tidak perlu memenuhi syarat minimum jumlah kredit per semester.

2.5 Pemilihan Taraf Kursus

Kursus yang diwajibkan oleh kurikulum terutama sekali kursus yang menjadi prasyarat kepada kursus berikutnya perlu diambil dengan segera. Kombinasi kursus yang dipilih hendaklah tidak membebankan dan jadual waktunya sesuai. Setiap program mempunyai dua komponen kursus :

i. Kursus Teras

Setiap program mempunyai kursus teras program tersendiri. Kursus teras program adalah kursus-kursus yang ditawarkan berdasarkan keperluan program. Kursus-kursus ini menjurus kepada pembinaan kepakaran pelajar dalam bidang program pengajiannya. Pelajar wajib mengambil kursus ini dan mesti lulus dengan minimum gred C dan dikehendaki mengulang penilaian sekiranya gagal.

ii. Kursus Wajib

Kursus wajib merupakan kursus-kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar Program Sijil Perikanandan ditawarkan bagi memperlengkapkan para pelajar dengan pelbagai ilmu serta pengetahuan asas di samping ilmu yang dikuasai dalam bidang pengkhususan masing masing. Pelajar wajib lulus dalam kursus-kursus ini dengan minimum gred C. Bagi yang gagal, mereka dikehendaki mengulang penialian kursus tersebut.

2.6 Lain-lain

1 **Kemaskini maklumat**

Pelatih bertanggungjawab mengemaskinikan maklumat peribadi dari masa ke masa dan memaklumkan kepada Kluster LKSP untuk tujuan rekod.

3.0 PENAWARAN PROGRAM

3.0.1 SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18-30 tahun
- Lulusan SPM atau kelayakan setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
- Lulus subjek Matematik atau Sains atau subjek STEM/Elektif STEM atau lulusan SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan.
- Sihat tubuh badan dan boleh melakukan aktiviti amali di lapangan
- Lulus Temuduga

3.1 MATLAMAT DAN HASIL PEMBELAJARAN

3.1.1 MATLAMAT PROGRAM

- Melahirkan graduan dalam bidang perikanan yang profesional, etika kerja yang tinggi dan bertanggungjawab dalam semua aspek pengurusan serta keupayaan untuk bekerja secara autonomi dan dalam pasukan.
- Mendorong graduan terus belajar dan mengembangkan diri dalam bidang perikanan melalui pendidikan berterusan, keusahawanan dan penyertaan dalam industri, serta berupaya memimpindan mengadaptasi dalam persekitaran kerja yang dinamik.
- Graduan menyumbang kepada pembangunan mampan melalui tanggungjawab sosial

3.1.2 HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO 1 Menjelaskan pengetahuan dan kefahaman tentang maklumat, fakta, prinsip, konsep dan teori secara sistematik dalam bidang berkaitan. (Kemahiran Pengetahuan)

PLO 2 Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah yang boleh diramal dalam bidang berkaitan. (Kemahiran Kognitif)

PLO 3 Melaksanakan kemahiran kerja dengan alatan /kaedah /prosedur yang sesuai dibawah seliaan dalam bidang berkaitan (Kemahiran Praktikal)

PLO 4 Berinteraksi secara berkesan sebagai individu atau sebagai ahli kumpulan bersama penyelia, rakan sejawatan dan orang bawahan. (Kemahiran Interpersonal)

PLO 5 Berkebolehan menyampaikan maklumat serta idea secara berkesan melalui lisan dan bertulis dengan menggunakan bahasa dan kaedah yang sesuai. (Kemahiran Komunikasi)

PLO 6 Berkemampuan menggunakan pelbagai aplikasi digital bagi menyokong pembelajaran serta mencari dan memproses data berkaitan pembelajaran dalam bidang berkaitan. (Kemahiran Digital)

PLO 7 Mempamerkan kemahiran mengguna dan menginterpretasikan data numerikal yang rutin dan kompleks serta data dalam bidang yang berkaitan. (Kemahiran Numerikal)

PLO 8 Menunjukkan kualiti kepimpinan yang berkesan serta boleh berfungsi dengan efektif sebagai individu dan dalam kumpulan. (Kemahiran Kepimpinann, Autonomi dan Tanggungjawab)

PLO 9 Menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran kendiri serta pembangunan intelektual dan diri dengan menunjukkan keyakinan, kawalan diri, kemahiran sosial serta beradab. (Kemahiran Personal)

PLO 10 Menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti keusahawanan. (Kemahiran Keusahawanan)

PLO 11 Mengamalkan sikap beretika, berintegriti dan profesional dalam bidang berkaitan. (Kemahiran Etika dan Profesionalisme)

3.2 SENARAI KURSUS

3.2.1 KURSUS TERAS

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	FIS 1012	Pengenalan Perikanan	**2 (2+0)**
2.	FIS 1023	Asas Biologi Ikan	**3 (2+1)**
3.	FRM 1073	Pengurusan Sumber Perikanan	**3 (2+1)**
4.	FAP 1063	Prinsip Akuakultur	**3 (2+1)**
5.	FIH 1153	Pengendalian Ikan	**3 (2+1)**
6.	FRM 1123	Penilaian Sumber Perikanan	**3 (3+0)**
7.	FAT 1113	Teknologi Akuakultur	**3 (2+1)**
8.	MFT 1143	Teknologi Penangkapan Ikan	**3 (2+1)**
9.	FIH 1163	Pengurusan Kesihatan Ikan	**3 (2+1)**
10.	FCD 1203	Pembangunan Komuniti Perikanan	**3 (3+0)**
11.	MNS 1213	Teknologi Pelayaran Dan Perkapalan	**3 (2+1)**
12.	FPQ 1223	Teknologi Pemprosesan & Kualiti Produk Perikanan	**3 (2+1)**
13.	FIS 1236	Latihan Industri	**6 (0+6)**
		JUMLAH	**41**

3.2.2 KURSUS WAJIB

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	BBI 1042	Fundamental English	**2 (2+0)**
2.	MPU 1152	Pengajian Malaysia 1	**2 (2+0)**
3.	CAS 1052	Sistem Aplikasi Komputer	**2 (2+0)**
4.	MTH 1093	Asas Statistik Dan Penyelidikan	**3 (3+0)**
5.	BBI 1102	English For Communication	**2 (2+0)**
6.	ACC 1133	Prinsip Perakaunan	**3 (3+0)**
7.	MPU 1313	Ekonomi Malaysia	**3 (3+0)**
8.	MPU 1212	Kemahiran Berfikir	**2 (2+0)**
9.	MPU 1222	Kemahiran Keusahawanan	**2 (2+0)**
		JUMLAH	**21**

3.3 PENILAIAN & PENSIJILAN

3.3.1 PERATUSAN PENILAIAN

BIL	KOMPONEN	WAJARAN PERATUSAN
1.	PENILAIAN BERTERUSAN (PB)	60
		60
2.	PENILAIAN AKHIR (PA)	40
		40
	JUMLAH	**100**

3.3.2 PENGGREDAN

Gred	Nilai Kredit	Julat Markah %	Tahap Keterampilan
A+	4.00	90-100	Sangat Cemerlang
A	4.00	80-89	Cemerlang
A-	3.67	75-79	Kepujian
B+	3.33	70-74	
B	3.00	65-69	
B-	2.67	60-64	Lulus
C+	2.33	55-59	
C	2.00	50-54	
C-	1.67	47-49	
D+	1.33	44-46	
D	1.00	40-43	
E	0.67	30-39	Gagal
E-	0.33	20-29	
F	0.00	0-19	

3.3.3 SYARAT PENSIJILAN

Pelajar layak dianugerakan Sijil Perikanan setelah disahkan lulus dalam semua komponen penilaian bagi:

i. **Kursus Wajib**

ii. **Kursus Teras**

iii. **Latihan Industri**

dalam tempoh yang ditetapkan dengan mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 2.00

4.0 DIREKTORI

4.1 PENTADBIRAN/PENGURUSAN

1. **Ketua Kluster Latihan Kemahiran dan Sijil Perikanan**
   Pn. Mariam binti Marip
   mariam_marip@dof.gov.my

2. **Ketua Unit Sijil Perikanan**
   En. Arnajid bin Jimy
   arnajid@dof.gov.my

4.2 HAL EHWAL PELAJAR

1. **Ketua Kluster Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Sumber**
   En. Rizman Zulkarnaen bin Suardi
   rizmanzulkarnaen@dof.gov.my

5.0 GARIS PANDUAN SAHSIAH RUPA DIRI

Semua pelajar dikehendaki berpakaian sesuai dengan amalan biasa masyarakat Malaysia dan sebagai bakal para intelek negara, pelajar perlu sentiasa mengamalkan pakaian bersih, kemas dan bersopan semasa berada di kampus. Garis panduan pakaian yang ditetapkan oleh Akademi Perikanan Malaysia adalah seperti berikut:

i. **Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan amalan pakaian yang ditetapkan oleh Akademi Perikanan Malaysia terutama di bilik kuliah, pusat sumber, makmal, kolej kediaman dan sebagainya.**
ii. **Pelajar tidak boleh berselipar semasa menghadiri kuliah, majlis rasmi atau berurusan dengan mana-mana pejabat di Akademi Perikanan Malaysia.**
iii. **Pelajar tidak dibenarkan memakai baju T tanpa kolar dan seluar sukan kecuali ketika riadah.**
iv. **Pelajar lelaki hendaklah sentiasa berambut pendek, kemas, dan tidak berwarna.**
v. **Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata atau menutup muka (kecuali pemakaian pelitup muka).**
vi. **Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar pendek semasa urusan rasmi di Blok Pentadbiran/ Pejabat Kluster/ Bilik MPP terutama di bilik kuliah, pusat sumber, makmal, kolej kediaman dan sebagainya.**